

→ ISU

PERNIKAHAN KANAK-KANAK BAWAH UMUR

Pihak ketiga tentukan layak berkahwin

➔ Pembabitan pegawai perubatan, JKM wajar jadi SOP elak unsur paksaan

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Pembabitan 'pihak ketiga' iaitu pegawai perubatan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) wajar dijadikan Prosedur standard operasi (SOP), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dalam menentukan status kelayakan pernikahan membabitkan kanak-kanak bawah umur.

Profesor Undang-Undang Wanita, Keluarga dan Kanak-kanak, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Noor Aziah Awal, berkata ia sangat mustahak dalam menentukan perkahwinan itu tidak dipengaruhi unsur paksa atau jenayah.

Pada masa ini, permohonan berkahwin di bawah umur, tidak standard berikutan dijalankan mengikut peruntukan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri.

Dapatkan nasihat pakar

"Ada mahkamah memperuntukkan kanak-kanak yang hendak berkahwin perlu memohon dan ada wali. Dengan kata lain, hakim syarie membuat keputusan mengikut budi bicara tanpa mendapatkan nasihat daripada pakar dalam bidang berkenaan.

"Justeru, (bagi) saya (perlu ada) SOP kerana temu bual ringkas membabitkan pemohon dan pasangan serta wali sahaja, tidak

cukup. Kita perlu pastikan tidak ada unsur paksaan kerana kanak-kanak belum matang untuk memahami erti sebuah perkahwinan atau semata-mata atas alasan menutup aib," katanya.

JKSM merekodkan 5,362 permohonan kebenaran nikah bawah umur kanak-kanak beragama Islam di seluruh negara sejak Januari 2013 hingga Disember tahun lalu dengan Sarawak merekodkan permohonan tertinggi, iaitu 918, diikuti Sabah dan Kelantan masing-masing 793 permohonan.

Rekod Kementerian Dalam Negeri pula menunjukkan 212 kanak-kanak bukan Islam berkahwin dengan golongan dewasa sepanjang tahun lalu dengan sembilan kanak-kanak berusia 15 tahun, 16 tahun (58) dan 17 tahun (137).

Prof Aziah yang juga Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia, Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), berkata perkahwinan bawah umur dibahagikan kepada antara lelaki dan perempuan berusia bawah 18 tahun dan an-



Noor Aziah Awal

tara perempuan bawah 18 tahun dengan lelaki berusia hingga tiga kali ganda daripada pengantin perempuan.

Kes terlanjur

Katanya, ramai pasangan muda dikaitkan dengan kes terlanjur, tetapi lelaki dewasa berkahwin dengan kanak-kanak, disifatkan sebagai tidak sihat dan perlu dibendung kerana ia dikhuatiri ada unsur jenayah, termasuk menjual anak dengan mempergunakan ikatan perkahwinan yang suci.

Mengulas perkahwinan gadis muda pada zaman dahulu, Prof Aziah berkata, membuat perbandingan sedemikian adalah tidak adil dengan perkembangan semasa.

"Hari ini kanak-kanak berada di sekolah hingga usia 17 tahun dan perkahwinan, bukan penyelesaian masalah. Kalau terlanjur, bantu daripada segi pendidikan, kerana berkahwin dan memikul tanggungjawab sebagai isteri atau suami pada usia kanak-kanak, mungkin memberi lebih tekanan daripada pelbagai segi," katanya.

Beliau turut mengingatkan bahawa Malaysia memeterai Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang melarang perkahwinan bawah umur.

Sementara itu, Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Musa Awang, berkata SOP berhubung perkahwinan sedang dirangka Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dalam melindungi institusi perkahwinan Islam negara ini.